

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. NIK MAZIAN  
BIN NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan semula biasiswa dan pinjaman JPA kepada para pelajar Malaysia yang sedang belajar dalam bidang perubatan di Mesir.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghantaran pelajar ke Mesir di bawah tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah bagi mengikuti pengajian bidang perubatan melalui Program Ijazah Luar Negara (PILN). Pada tahun ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan meneruskan pembiayaan program penajaan untuk pelajar-pelajar sedia ada di dalam negara dan di luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**TARIKH** : **15 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

**SOALAN** : **31**

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status cadangan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) kepada kapasiti 10 juta penumpang yang telah dikemukakan oleh Kementerian selepas PIA memenuhi kapasiti 6.5 juta penumpang tahun ini, dan bukannya pada tahun 2020 seperti yang dijangkakan. Nyatakan langkah-langkah yang bakal diambil bagi mengatasi insiden banjir kilat di PIA kini.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sememangnya mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) supaya dapat menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Jesteru, Kementerian ini telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11) untuk pertimbangan Unit Perancangan Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri (JPM). Walau bagaimanapun, UPE JPM tidak dapat mempertimbangkan permohonan ini berikutan kekangan peruntukan yang dihadapi oleh kerajaan ketika ini.

Mengenai isu banjir di LTAPP, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) adalah dengan membina beberapa *On Site Detention Pond (OSDP)*. Antara kawasan-kawasan yang telah dibina OSDP oleh pihak MAHB adalah di kawasan *Baggage Handling System (BHS)*, kawasan parkir kenderaan kakitangan dan parkir *Turbo Propeller Aircraft*.

Pada masa yang sama, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang telah menjalankan kajian Penyediaan Pelan Induk Saliran Air Ribut Bagi Daerah Barat Daya Pulau Pinang bagi mengatasi masalah banjir pada masa akan datang.

Oleh itu, MAHB akan memberi kerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang dengan mengadakan perbincangan bagi mengatasi masalah banjir ini yang mungkin berlaku pada masa hadapan.